Private Car 365 PLAN

## Pandulah dengan keyakinan dan ketenangan minda dengan perlindungan menyeluruh Private Car 365 Plan.

Ke mana sahaja anda pergi, Private Car 365 Plan memastikan anda dan tersayang dilindungi, 365 hari setahun. Dengan premium tambahan mampu milik daripada **RM0.10 sehari**, inilah perlindungan yang sentiasa bersama dengan anda.



**Nota:**

1. Manfaat-manfaat Private Car 365 Plan disediakan sebagai tambahan kepada manfaat-manfaat yang diberikan dalam polisi asas motor.
2. Bagi Pelan 1, 2, 3 dan 4, manfaat 1 – 6 dan 13 – 15 adalah untuk orang yang diinsuranskan dan/atau pemandu dibenarkan dan/atau penumpang, manakala manfaat 17 dan 19 adalah untuk orang yang diinsuranskan sahaja.
3. Bagi Pelan Ezy, manfaat 1 – 6 (jika ada) dan 15 adalah untuk orang yang diinsuranskan dan/atau pemandu dibenarkan sahaja.

**Kelayakan**

1. Ditawarkan kepada pelanggan Liberty Insurance yang mempunyai polisi Motor Persendirian Komprehensif yang aktif, sebagai pilihan tambahan.

**Pengecualian**

1. Pengecualian untuk Manfaat 1, 2, 3, 4, 5 dan 6:
   - Mencederakan diri sendiri, tidak siuman, bunuh diri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman).
   - Sebarang keadaan sedia ada atau kecacatan fizikal atau penyakit, sebarang bentuk sawan.
   - Sebarang kecederaan anggota badan yang mengakibatkan hernia.
2. Pengecualian untuk Manfaat 9, 10 dan 11:
   - Bantuan tunda atau kerosakan akibat kejadian bencana alam atau Malapetaka Semula Jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin.
   - Kereta Anda terlibat dalam atau menyertai sebarang bentuk sukan permotoran (termasuk memandu di litar lumba atau bersaing dalam rali jalan atau luar jalan).
   - Apabila Kereta Anda berada di kawasan terpencil atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah, tempat letak kereta di atas bumbung dan di permukaan jalan tidak berturap.
3. Pengecualian lain dalam polisi asas motor anda.

**Notis Penting**

1. Manfaat-manfaat yang disediakan di bawah Private Car 365 Plan adalah terhad untuk melindungi seorang (1) pemandu dan empat (4) penumpang sahaja. Anda boleh memilih untuk menambah jumlah penumpang dilindungi di bawah produk ini dengan membayar premium tambahan, sehingga kapasiti tempat duduk yang tertera di geran Kereta Anda.
2. Risalah ini hanyalah penerangan ringkas mengenai Private Car 365 Plan. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat penuh mengenai produk ini.
3. Kenyataan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Menjadi tanggungjawab pelanggan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah agar tidak memberikan salah penyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab sebarang soalan yang mungkin dikemukakan oleh penanggung insurans yang berkaitan dengan keputusan sama ada untuk menerima risiko tersebut atau tidak serta kadar dan terma yang akan dikenakan.
4. Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1 800 88 6333 | amassurance.com.my

Ditanggung jamin oleh:
Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Private Car 365 PLAN

# TERUS MAJU KE DEPAN. KAMI MELINDUNGI ANDA SEPENUHNYA.



Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Ditanggung jamin oleh:
Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

AmAssurance




## Manfaat & Ciri-ciri Utama

**Khidmat Tunda akibat Kerosakan dan Kemalangan**

**Perbelanjaan Perubatan dan bil-bil lain yang**

**Elaun Ihsan Banjir RM1,500**

**Perlindungan Ihsan untuk Samun dan Pecah Tingkap sehingga RM1,500**

Dapatkan ketenangan minda sepenuhnya dengan **Private Car 365 Plan** – menawarkan pakej yang fleksibel dengan perlindungan untuk kematian akibat kemalangan, bil perubatan, perkhidmatan tunda, kecurian atau kehilangan keseluruhan, penggantian kereta, penginapan hotel dan banyak lagi.

Anda menerima perlindungan terbaik dengan nilai berpatutan untuk diri anda, kereta anda, dan orang yang tersayang – direka untuk menepati keperluan anda dalam setiap perjalanan, setiap hari.

| No | Manfaat-manfaat | Private Car 365 Plan | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Pelan 1 | Pelan 2 | Pelan 3 | Pelan 4 | Pelan Ezy |
| 1 | Kematian Akibat Kemalangan | RM15,000 | RM30,000 | RM75,000 | RM120,000 | RM10,000 |
| 2 | Hilang Upaya Kekal | Sehingga RM15,000 | Sehingga RM30,000 | Sehingga RM75,000 | Sehingga RM120,000 | Sehingga RM10,000 |
| 3 | Indemniti Berganda Semasa Cuti Umum Kebangsaan Di Malaysia | RM30,000 | RM60,000 | RM150,000 | RM240,000 | Tidak berkenaan |
| 4 | a) Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan<br>b) Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Kosmetik<br>c) Yuran Ambulans | Had Gabungan Sehingga RM1,500 | Had Gabungan Sehingga RM2,000 | Had Gabungan Sehingga RM3,000 | Had Gabungan Sehingga RM4,000 | a) Sehingga RM1,500<br>b), c) Tidak berkenaan |
| 5 | Pendapatan Hospital (setiap hari, sehingga 60 hari) | RM30 | RM50 | RM75 | RM100 | Tidak berkenaan |
| 6 | Elaun Pengebumian | RM750 | | | | RM500 |
| 7 | Elaun Ihsan Banjir | RM1,500 | | | | Tidak berkenaan |
| 8 | Elaun Ihsan bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh / Kecurian Kenderaan | Sehingga RM6,000 | Sehingga RM8,000 | Sehingga RM12,000 | Sehingga RM18,000 | |
| 9 | Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kereta dan Perkhidmatan Tunda (di dalam Malaysia sahaja) | Perjalanan ulang-alik sehingga 600km | Tiada had jarak | | | Perjalanan ulang-alik sehingga 150km |
| 10 | Perkhidmatan Tunda Kereta akibat kemalangan (di dalam Malaysia sahaja) | Tidak berkenaan | Tiada had jarak | | | Tidak berkenaan |
| 11 | Bantuan Tunda Antarabangsa | Sehingga 60km dari sempadan Malaysia | | | | Sehingga 100km dari sempadan Malaysia |
| 12 | Perbelanjaan Sewa Teksi dan Kereta – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans | Tidak berkenaan | Teksi - RM60 setiap perjalanan<br>Sewa Kereta – RM150 setiap hari, sehingga RM400 setiap kejadian | | | Teksi – RM60 setiap perjalanan<br>Tidak berkenaan |
| 13 | Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kereta di Malaysia (setiap hari) – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans | Tidak berkenaan | RM150 setiap hari, sehingga RM400 setiap kejadian | | | Tidak berkenaan |
| 14 | Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kereta di Republik Singapura (setiap hari) – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans | Tidak berkenaan | RM150 setiap hari, sehingga RM300 setiap kejadian | | | Tidak berkenaan |
| 15 | Perlindungan Ihsan untuk Samun dan Pecah Tingkap | Kerosakan Tingkap – RM1,000<br>Kehilangan Barangan Peribadi/Wang Tunai – RM500 | | | | Kerosakan Tingkap dan/atau Kehilangan Barangan Peribadi/Wang Tunai – RM500 HadGabungan |
| 16 | Perlindungan Penjagaan Kunci – terhad kepada 1 kejadian semasa Tempoh Insurans | Tidak berkenaan | | | | Sehingga RM500 |
| 17 | Baki Kad Kredit Tertunggak (disebabkan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal) | Sehingga RM300 | Sehingga RM500 | Sehingga RM1,000 | Sehingga RM1,500 | Tidak berkenaan |
| 18 | Perbelanjaan Gantian Kereta (setiap hari) – terhad kepada 1 kejadian semasa Tempoh Insurans | RM150 (Sehingga RM450) | RM150 (Sehingga RM600) | RM150 (Sehingga RM750) | RM150 (Sehingga RM900) | |
| 19 | Perlindungan Pinjaman Kereta (disebabkan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal) | RM5,000 | | | | |
| 20 | Program Bantuan Rujukan | Tidak berkenaan | Termasuk | | | Termasuk untuk pengurusan Manfaat 13 |
| **Premium Tahunan**<br>*(Tidak termasuk Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST). Produk ini tertakluk kepada kadar SST semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia).* | | | | | | |
| | Satu pemandu dan sehingga 4 penumpang | RM83 | RM130 | RM230 | RM330 | RM35 |
| | Setiap penambahan penumpang | RM8 | RM12 | RM23 | RM35 | Tidak berkenaan |